



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Surat palsu guna tandatangan Ketua Polis Pahang

Language: Malay

Publication/Portal: Berita Harian

Section: Nasional

Date: 7 January 2021

Page: 19

### Macau Scam

## Surat palsu guna tandatangan Ketua Polis Pahang

**Kuantan:** Polis Pahang mengesan taktik baharu sindiket Macau Scam yang menggunakan surat palsu kononnya ditandatangani Ketua Polis Pahang bagi memperdayakan mangsa untuk memindahkan wang ke akaun mereka.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Abd Jalil Hassan, berkata surat yang menggunakan kepala surat Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu mendakwa, penerimanya perlu memindahkan wang atau ditahan atas alasan terbabit penyedudukan dadah dan pengubahan wang haram.

“Surat itu juga mendakwa jika penerima enggan bekerjasama, waran tangkap akan dikeluarkan serta-merta dan semua aset serta akaun bank miliknya akan dibekukan selama dua tahun lima bulan, selain direman 45 hari,” katanya pada sidang media di Ibu

Pejabat Polis Kontinjen Pahang di sini, semalam.

Abd Jalil berkata, beliau sendiri melihat dokumen palsu itu yang diterima menerusi aplikasi WhatsApp telefon pintarnya pada jam 3 petang Isnin lalu dan polis berjaya mengesan seorang lelaki berusia dalam lingkungan 30-an, yang dipercayai menerima surat itu bagi membantu siasatan.

Dalam perkembangan lain, Abd Jalil berkata, polis mengesan aktiviti penjualan tiga tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan (SUK) Pahang di laman sosial Facebook dan Mudah.my tanpa kebenaran pihak terbabit.

Katanya, kegiatan itu disedari Penolong Setiausaha Kanan Perbadanan SUK Pahang, yang menerima mesej WhatsApp pada jam 10.30 pagi, 28 Disember lalu daripada seorang individu yang ingin mendapatkan pengesahan



**Surat itu juga mendakwa jika penerima enggan bekerjasama, waran tangkap akan dikeluarkan serta-merta.**

**Abd Jalil Hassan,**  
Ketua Polis Pahang

mengenai penjualan tanah di Jerantut, kira-kira 150 kilometer dari sini.

“Tanah itu yang terletak di Ulu Tembeling dan Pedah, kononnya untuk dijual pada harga RM11,000 seekor. Semakan di Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) membolehkan kita mengenal pasti seorang broker tanah berusia 30-an, untuk membantu siasatan.

“Kita sedang menyiasat jika lelaki berkenaan terbabit atau ada pihak lain yang menggunakan namanya bagi memperdayakan orang awam untuk membeli tanah berkenaan.

“Kita minta mereka yang membeli atau ditawarkan tanah di situ menerusi media sosial, menghubungi polis bagi membantu siasatan,” katanya.

BERNAMA